

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**[TANJUNG MALIM]**  
**TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)**

**DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJUNG MALIM ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUANAAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membanteras kenaikan harga barang keperluan lain.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedang mengambil beberapa tindakan proaktif bagi menangani kenaikan harga barang keperluan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang memanupulasikan keadaan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Menggerakkan operasi penguatkuasaan menangani kenaikan harga barang dan caj perkhidmatan yang tidak berpatutan dalam pasaran melalui **OPS HARGA 2014** yang telah berkuatkuasa pada **1 Januari 2014**;
- ii. Menguatkuasakan tindakan yang tegas melalui pengeluaran Notis di bawah **Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini;
- iii. Melancarkan **Ops Tanda Harga** di bawah **Gerakan Pematuhan Tanda Harga**. Ops ini digerakkan bermula **3 Mac 2014** sebagai satu langkah bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang penandaan harga dan sedar akan tanggungjawab untuk meletakkan tanda harga pada barang yang dijual. Ops ini juga memberi mesej jelas kepada rakyat akan keseriusan Kerajaan

dalam melindungi kepentingan pengguna yang dikuatkuasakan melalui **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993**;

- iv. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** sebagai satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan;
- v. **Menjalankan pemantauan harga untuk mengesan kenaikan harga di pasaran** di seluruh negara. Pemantauan harga dilaksanakan di premis-premis perniagaan secara harian, mingguan dan bulanan bagi mengesan tren harga barang berkenaan di pasaran dan sebarang peningkatan harga yang mendadak disalurkan untuk disusuli dengan tindakan penguatkuasaan;
- vi. Mengadakan pelbagai program dan aktiviti jualan bagi menawarkan barang keperluan pada harga murah dengan kerjasama *hypermarket* dan pasar raya untuk mengadakan **Kempen Penurunan Harga** dengan tujuan untuk memberi penjimatan kepada pengguna. Kempen Penurunan Harga melibatkan 957 cawangan pasar raya di seluruh negara dan penjimatan yang ditawarkan meliputi lebih 4000 jenis barang keperluan isi rumah; dan
- vii. **Mengadakan engagement** dengan persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong dan pengimport untuk mendapat maklum balas mengenai kedudukan harga dan bekalan barang perlu di peringkat nasional dan negeri.